



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT PERKUKUH EKONOMI KITARAN NEGARA: PELAKSANAAN PELUASAN TANGGUNGJAWAB PENGELUAR (EXTENDED PRODUCER RESPONSIBILITY – EPR)

KUALA LUMPUR, 21 JANUARI 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui **Mesyuarat Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal (NCEC) Ke-4** telah mencatatkan pencapaian penting dalam usaha mencorak landskap kelestarian negara dengan meluluskan Kerangka Polisi Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (Extended Producer Responsibility – EPR).

Berlandaskan prinsip “Ke Arah Tanggungjawab Bersama”, Kerangka Polisi EPR ini berasaskan prinsip ‘industry-driven’, Kerangka Polisi EPR ini merupakan satu pendekatan dasar yang mesra industri serta menyediakan kerangka dan hala tuju yang jelas berkaitan jenis bahan sisa, model organisasi tanggungjawab pengeluar (Producer Responsibility Organisation – PRO), sasaran pemerolehan semula (recovery rate target), pematuhan dan peranan serta tanggungjawab pemegang taruh yang berkaitan.

Selain itu, NCEC turut bersetuju memperluas penggunaan teknologi tempatan bagi menukarkan sisa makanan kepada baja pertanian sebagai strategi memperkukuh ekonomi kitaran negara serta menyokong agenda keterjaminan makanan nasional.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming menghimpunkan kementerian, kerajaan negeri, pemain industri, pakar teknikal dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam satu kerangka kerjasama bersepadu berasaskan pendekatan Whole of Government bagi memastikan pelaksanaan ekonomi kitaran sisa pepejal yang mampan, mesra industri dan berimpak tinggi. Sebanyak tujuh (7) kertas telah dibentangkan merangkumi dua (2) kertas pertimbangan dan lima (5) kertas makluman.

Malaysia ketika ini berdepan cabaran pembaziran makanan yang serius, dengan anggaran lebih 8.3 juta metrik tan sisa makanan dibuang setiap tahun, bersamaan kira-kira 17,000 metrik tan sehari. Kebergantungan kepada tapak pelupusan bukan sahaja membebankan sistem pengurusan sisa negara, malah memberi kesan langsung kepada alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Pelaksanaan Kerangka Polisi EPR dan pemakaian Teknologi Tempatan Kitar Semula Sisa Organik (Sisa Makanan) Kepada Baja Pertanian oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dilihat sebagai solusi strategik yang mampu :

- i. Mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan
- ii. Meningkatkan kadar kitar semula negara
- iii. Menyokong sektor pertanian melalui penyediaan baja alternatif yang lebih ekonomi
- iv. Memperkukuh keterjaminan makanan negara
- v. Memacu pembangunan ekonomi kitaran berasaskan teknologi tempatan

Inisiatif ini mencerminkan komitmen KPKT dalam membina ekosistem pengurusan sisa yang bukan sekadar bersifat pelupusan, tetapi berorientasikan pemulihan nilai, penjanaan sumber baharu dan kelestarian jangka panjang negara.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 55551 Faks : 03-8891 55571 E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

